

28 MAR 1998

Umno-Pemilihan

HANAFI RAMLI KEKAL KETUA UMNO JERLUN

ALOR SETAR, 28 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Jerlun Datuk Hanafi Ramli mengekalkan jawatan Ketua Umno bahagian itu tanpa bertanding dalam persidangan perwakilannya hari ini.

Yang turut tidak ditentang ialah Anggota Exco Kerajaan Negeri Abdul Rahman Ariffin untuk jawatan timbalan ketua dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kota Siputeh Abu Hasan Sarif sebagai naib ketua.

Di Bahagian Sik, petang semalam, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman mengekalkan jawatan Ketua UMNO Bahagian tanpa bertanding.

Bagaimanapun timbalan ketua bahagian itu, Mohamed Hadzir Mohamed Jaafar, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jeneri, tewas kepada anggota biasa bahagian itu Mohd Salleh Ismail. Jawatan naib ketua dikekalkan oleh Azizan Ishak.

Di bahagian Pendang, Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Abdul mengekalkan jawatan Ketua Umno bahagian itu apabila pencabarnya, Komaruddin Ahmad, yang juga setiausaha Umno cawangan Bendang Bukit, menarik diri menjelang pemilihan semalam.

Jawatan timbalan ketua dan naib ketua turut tidak ditandingi, dengan Zakuan Ahmad mengekalkan jawatan timbalan manakala Rozai Shafiee yang merupakan Setiausaha Politik Menteri Besar, diberi laluan oleh penyandang Mahathir Shariff untuk jawatan naib ketua.

Di Bahagian Padang Serai, Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Ketil Mohd Hadzir Ismail mengekalkan jawatan Ketua Bahagian tanpa bertanding tetapi bagi jawatan timbalan ketua, penyandang Ibrahim Rasidi tewas kepada ahli jawatankuasa bahagian Md Yusof Harun.

Jawatan naib ketua dikekalkan oleh Razali Ishak yang menewaskan Hanafiah Mat Dani.

Di PONTIAN, Johor, Menteri Besar Selangor merasmikan persidangan perwakilan Bahagian Pontian dengan menyeru anggota Umno supaya bersungguh-sungguh memelihara imej dan nama baik parti agar ia bebas daripada amalan rasuah.

Beliau berkata Umno menjadi parti pemerintah paling lama di dunia dengan mentadbir negara lebih 40 tahun dan mempunyai anggota parti yang paling ramai iaitu sebanyak 2.3 juta orang.

Menurut beliau sekiranya terdapat anggota parti yang mengamalkan politik wang, maka kerajaan itu akan rosak. -- BERNAMA

MN RAM MAI